

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN ANYI NGAU  
[ BARAM – BN ]**

**TARIKH : 21 MEI 2015 ( KHAMIS )**

**SOALAN (NO. 21)**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan sejauh manakah komitmen Kementerian melalui National Football Development Plan di dalam merekrut bakat terpendil dari kalangan pelajar sekolah di kawasan luar bandar dan pedalaman yang turut mempunyai minat serta kebolehan di dalam sukan bola sepak.

**SULIT**

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, National Football Development Plan atau lebih dikenali sebagai Pelan Pembangunan Bola Sepak Negara (PPBN) disediakan untuk membangunkan semula sukan bola sepak secara menyeluruh yang melibatkan semua aspek pembangunan seperti penyertaan atlet, kejurulatihan, kemudahan dan pertandingan. Sasaran utamanya adalah menggilap bakat pemain-pemain yang berumur di antara 7 sehingga 17 tahun.
2. Salah satu teras strategik PPBN ialah mengenalpasti dan membentuk wira bola sepak negara. Teras ini memberi penekanan kepada peningkatan minat, merencanakan penyertaan dan mewujudkan proses pencarian bakat yang efektif, inklusif serta terbuka.
3. Kementerian bercadang menubuhkan satu Akademi Tunas (bagi umur 7 hingga 12 tahun) dan satu Pusat Latihan Daerah (bagi umur 13 hingga 17 tahun) di setiap daerah bagi melonjakkan penyertaan pemain lelaki dan perempuan menjelang tahun 2020. Lokasi pusat-pusat latihan tidak terhad kepada sekolah-sekolah, malah akan dilaksanakan di lokasi yang mempunyai kemudahan atau padang yang sesuai. Cadangan agar padang awam sedia ada yang sesuai di bawah Pihak Berkuasa Tempatan turut digunapakai sebagai pusat latihan.

## **SULIT**

4. Pada awal tahun 2015 ini, seramai 12,810 pemain telah menyertai program latihan berstruktur yang ditetapkan oleh barisan kejurulatihan PPBN. Bagi meluaskan lagi pencarian bakat-bakat baru, PPBN juga akan melaksanakan pemilihan scara terbuka di setiap daerah termasuklah di kawasan luar bandar dan pedalaman di seluruh negara.

Sekian, terima kasih.